

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA
Lokasi : MINDEF, KUALA LUMPUR
Tarikh : 12-01-1999

Terlebih dahulu, saya ingin bersama-sama memanjatkan rasa syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya mempertemukan kita sekali lagi dan berkumpul di sini bagi menyempurnakan suatu hajat yang mulia dan yang murni.

2. Bersyukur juga kita, kerana walaupun dalam keadaan yang tidak selesa seperti dahulu, kita dapat juga mengadakan majlis seperti ini dalam keadaan aman tenteram.

Biar dipukul ribut di tepi pantai; Biar turun hujan di dalam lembah; Biar banjir naik tenggelami lantai; Hati kami perderma tidak berubah!

3. Mewakili para penderma sekali lagi tahun ini, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Kementerian Pertahanan kerana menjemput kami di sini bersama-sama menyerahkan apa juga yang boleh disumbangkan kepada Angkatan Tentera yang bertugas jauh daripada keluarga dan rumah tangga pada Hari Raya ini.

4. Kami amatlah sedar dan faham akan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab angkatan kita yang amat berat dan penuh dengan risiko dan cabaran. Bagi tahun-tahun yang lampau semua peringkat Angkatan Tentera yang dipilih bertugas di seberang laut, telah membawa negara kita ke mercu kejayaan dan penuh cemerlang. Nama mereka sendiri sebagai Anggota Tentera dipuji dan disebut-sebut oleh rakyat tempatan dan asing. Ini adalah membanggakan rakyat Malaysia. Syabas dan tahniah!

5. Di dalam negara sendiri pula, perkhidmatan Angkatan Tentera adalah juga begitu baik dan cemerlang. Keadaan aman dan selamat yang kita kecapi kini adalah hasil daripada kawalan dan jagaan yang rapi dilakukan oleh Anggota Keselamatan kita. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kita ucapkan kepada semua Angkatan Tentera Malaysia dan diharap semangat mereka sentiasa meningkat untuk berjuang mempertahankan kedaulatan negara yang tercinta ini.

6. Bagi pihak rakan-rakan perderma saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Abang Abu Bakar, Menteri Pertahanan dan kepada Jeneral Datuk Seri Mohd. Zahidi, Panglima Angkatan Tentera, kedua-dua beliau memegang jawatan yang baru. Semoga pakatan baru ini akan menghasilkan khidmat yang lebih bermutu tinggi dan cemerlang.

7. Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Seri Syed Hamid dan Jeneral Bersara Tan Sri Ismail atas kerjasama mereka dahulu dengan penderma-penderma dan mendoakan Yang Berhormat Dato Seri Syed Hamid akan berjaya dalam Kementerian barunya.

8. Kita tak perlu risau kerana Yang Berhormat Dato Seri Syed Hamid dipindahkan ke Kementerian Luar Negeri. Pada tahun lepas, seringkali kita diancam oleh orang-orang yang tidak tahu-menahu cara beradab. Negara perlukan orang-orang yang agresif yang boleh menentang dan sentiasa berdepan dengan mereka itu. Masalah itu saya rasa sudahpun Kerajaan atasi. Jika Albright boleh ditentang hebat oleh Rafidah AlAziz, tentu sekali AlGore akan ditentang hebat pula oleh Hamid Albar, seorang Syed Malaysia dari Hydramaut! Tentulah Kementerian yang boleh memperdebatkan AlGore dan AlBar ini ialah Kementerian Luar Negeri! Pindahan itu amat tepat dan sesuai.

9. Sekali lagi, bagi pihak para penderma yang dengan ikhlas dan sukacita menyumbang barangan untuk Angkatan Tentera berhariraya, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Kementerian Pertahanan serta berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala sentiasa melindungi anggota Angkatan Tentera di mana jua mereka berada.